

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 27.11.2014

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menyeimbangkan kemasukan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di Institut Pengajian Tinggi Awam di masa akan datang. Apakah inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar lelaki. Ini berikutan dari trend yang ditunjukkan hampir 70% penuntut IPTA adalah wanita pada kemasukan semester pertama tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Sesi Akademik 2014/2015, sejumlah 74,071 orang calon pelajar Lulusan STPM/Matrikulasi/Asasi telah mengemukakan permohonan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Daripada jumlah tersebut, seramai 22,856 (30.9%) orang calon pelajar merupakan pemohon lelaki dan 51,215 (69.1%) orang calon pelajar merupakan calon pelajar perempuan. Daripada sejumlah 74,071 permohonan yang diterima, seramai 67,388 orang calon sahaja yang layak, iaitu melepasi syarat am universiti serta syarat khas program pengajian, dengan pecahan 20,449 (30.4%) orang calon lelaki dan 46,939 (69.6%) orang calon perempuan. Sejumlah 37,467 orang calon

pula telah ditawarkan tempat ke IPTA yang terdiri daripada 11,437 (30.5%) orang calon lelaki dan 26,030 (69.5%) orang calon perempuan.

Penyelarasan nisbah kemasukan pelajar lelaki kepada pelajar perempuan ke IPTA kepada 50:50 adalah sukar untuk dilaksanakan, memandangkan bilangan permohonan yang diterima daripada kalangan pelajar lelaki setiap tahun adalah lebih rendah berbanding pelajar perempuan. Bilangan ini akan semakin menurun setelah pemprosesan syarat am universiti dan syarat khas program pengajian dilaksanakan dan mengambil kira bilangan tempat yang disediakan di IPTA.

Pengurusan pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dilaksanakan secara sistematik dan telus, adil dan profesional berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menentukan nilai merit seseorang calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, bangsa, jantina, keturunan, negeri taraf sosioekonomi dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Dasar meritokrasi yang diguna pakai sekarang adalah relevan kerana ia menilai pelajar berdasarkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum tanpa mewujudkan elemen diskriminasi jantina dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan akan melihat isu ni secara menyeluruh dan akan menilai keperluan untuk mewujudkan inisiatif dalam menyeimbangkan jurang perbezaan nisbah kemasukan pelajar lelaki kepada pelajar perempuan.